

1001 MASALAH

ABU AL-MUKHTAR SEDIA MENJAWAB



A. Zailani Bin Baharom, Bagan Datoh, Perak

bertanya:

“Bolehkah kita bertaklid kepada para ulama?”.

Jawab

Untuk menyenangkan kita memperbincangkan perkara tersebut, maka sebelum kita memperkatakan soal-soal yang berhubung dengan taklid, eloklah kita mengetahui terlebih dahulu erti *ijtihad*, *ittibā'*, dan bertaklid. Begitu pula kita mestilah tahu lebih dahulu erti perkataan mujtahid, *muttabi'* dan *muqallid*.

Ijtihad itu ertinya yang asal ialah bersungguh-sungguh dalam melakukan sesuatu pekerjaan; erti atau istilah yang dipakai oleh para 'ulama' ialah bersungguh-sungguh memeriksa dan memahami dalam-dalam akan keterangan-keterangan dari āyat-āyat Qur'an dan hadith Nabi yang payah dan sulit maknanya, sehingga dari fahaman-fahaman ijtihad itu dapat dikeluarkan satu-satu hukum dengan jalan Qiyas.

Patutlah diambil perhatian bahawa satu-satu hukum yang boleh diqiyas itu ialah tentang hukum-hukum yang mengenai hal dunia sahaja, bukan di dalam hal ibadah atau satu-satu hukum yang bersangkutan paut dengan hal ibadah. Orang-orang yang berusaha memahami āyat-āyat Qur'an dan hadith Nabi dengan jalan Qiyas, sehingga dapat mengeluarkan satu-satu hukum dari fahamannya itu, maka ia dinamakan orang yang mujtahid.

Orang yang mujtahid itu disyaratkan ia mengetahui bahasa Arab yang sekadar cukup untuk memahami keterangan-keterangan

dari āyat-āyat Qur'an dan hadith-hadith Nabi yang dibacanya, serta dalam pengetahuannya mengenai ilmu-ilmu fikah dan *Uşūl al-dīn*.

Ijtihad itu tersangat perlu dalam menentukan satu-satu hukum yang mengenai keduniaan; yaitu misalnya ada sesuatu kejadian yang baru berlaku, sedang di dalam āyat-āyat Qur'an dan hadith-hadith Nabi tidak ada didapati keterangan yang jelas dalam perkara itu; maka pada ketika itu perlulah para 'ulama' Islam berijtihad dan qiyaskanlah perkara yang baru berlaku itu dengan hukum-hukum syariat Islam yang sudah ada tersebut di dalam Qur'an atau hadith dengan jelas dan terang dengan beberapa sebab-sebab yang tertentu. Umpamanya zakat fitrah itu di dalam hukum Islam yang terdahulu atau hukum Islam di zaman Rasul dan Sahabat wajib dikeluarkan gandum atau tamar (kurma); mengikut makanan yang biasa dimakan hari-hari oleh penduduk-penduduk di negeri-negeri Arab; tetapi di negeri kita ini tidak ada gandum dan tidak ada kurma, yang ada hanya padi atau beras, kerana makanan sehari-hari bagi penduduk-penduduk¹ di negeri kita ialah beras; maka zakat fitrah yang wajib kita keluarkan ialah beras, atau pun sagu pada setengah-setengah negeri yang penduduknya memakan sagu.

Maka qiyas yang berlaku atas beras, padi atau sagu tadi, ialah kerana barang-barang tersebut menjadi makanan sehari-hari oleh penduduk-penduduk negeri kita ini, sebagaimana juga gandum dan kurma menjadi makanan sehari-hari oleh seumum penduduk-penduduk di negeri-negeri Arab. Orang-orang yang jadi mujtahid itu memang dipuji oleh ulama Islam, sehingga ia diberikan pahala yang berlipat ganda kalau ijtihadnya itu benar dan sah, tetapi ia diberi pula satu pahala kalau ijtihadnya itu salah.

Ittibā' itu ertinya yang asal ialah mengikut dan erti atau istilah yang dipakai oleh para 'ulama' yaitu; menurut apa-apa perintah, larangan dan perbuatan Rasul

¹ Perkataan sebenarnya adalah penduduk-penduduk.

Allah (S.A.W) dan Sahabat-sahabatnya. Orang-orang yang menurut seperti yang tersebut di atas, maka dinamakan *muttabi'*. Kadang-kadang orang yang *muttabi'* ini juga dinamakan mujtahid lantaran ia tidak bertaklid.

Adapun orang yang *muttabi'* itu tidak perlu ia mengerti bahasa Arab, kerana keperluannya hanya untuk mengetahui sesuatu hukum biasa buat ia beramal sendiri, bukan untuk mendalami sesuatu hukum dengan qiyas atau memberikan fatwa kepada orang ramai. Kewajipan umat Islam terhadap hukum-hukum agama mereka hanya dua jalan sahaja: yaitu berijtihad atau ber*ittibā'*; tidak ada yang lain.

Di antara Sahabat-sahabat Nabi (S.A.W) tidak ada berapa banyak yang mujtahid, tetapi selain dari yang mujtahid itu, kesemuanya *muttabi'*; tidak ada seorang pun Sahabat-sahabat Nabi yang *muqallid*. Kerana kalau mereka tidak tahu sesuatu hukum, mereka lantas bertanya kepada Nabi sendiri atau kepada Sahabat-sahabat Nabi, tentang bagaimana pendapat Nabi dalam perkara yang mereka belum ketahui dengan jelas itu.

Orang yang *muttabi'* itu kalau ia kedapatan dua hukum yang keterangan di antara satu sama lain bertentangan, maka pada masa itu ia wajib meneliti dan memeriksa dengan halus mana satu di antara dua hukum yang berlawanan itu kuat dalil dan hujahnya. Umpamanya ada orang berkata, bahawa ada hadith yang mengatakan membaca *al-Fātiḥah* dibelakang imam itu hukumnya wajib, dan ada lain orang alim pula berkata, ada hadith Nabi yang mengatakan tidak wajib bagi makmum itu membaca *al-Fātiḥah* di belakang imam, maka pada masa itu orang yang *muttabi'* wajiblah menyelidiki mana satu di antara dua hadith itu yang lebih kuat rawi dan sanadnya, kerana salah satu di antara keduanya tentu ada yang lemah.

Taklid itu erti asalnya ialah: meniru, dan erti yang digunakan dalam istilah ahli agama ialah

menurut perkataan atau perbuatan seseorang di dalam hukum-hukum agama dengan tidak ada keterangan-keterangan dari Qur'an atau pun hadith Nabi. Orang yang menurut dengan secara demikian dinamakan *muqallid*. Taklid itu adalah dilarang oleh Islam sebagaimana firman Allah dalam surah *Banī Isrā'īl*² ayat (36): (*Lā taqfu mā laysa laka bihī 'ilm*) ertinya: "Janganlah engkau turut apa yang engkau tidak tahu". Dan firman Allah lagi: (*Fās'alū ahla al-dhikri in kuntum lā ta'lamūn*) ertinya: "Tanyalah akan orang yang pandai kalau kamu tidak tahu". *Ahl al-Dhikri* atau orang pandai yang dimaksudkan di dalam ayat di atas ialah ahli Qur'an atau orang-orang yang mengetahui akan erti ayat-ayat Qur'an. Maksud yang lebih tepat ialah: Bertanyalah kepada ahli Qur'an, yaitu hal isi Qur'an bukan hal fikirannya.

Soal taklid ini bukannya Allah sahaja yang melarang orang-orang bertaklid, tetapi imam-imam mazhab tempat mereka bertaklid itu juga melarang keras kepada orang-orang yang bertaklid kepada mereka. Imam Ḥanafī sangat-sangat melarang orang-orang yang bertaklid kepadanya, begitu juga sahabatnya yang bernama Abu Yusuf. Imam Mālikī dan Imam Shāfi'ī juga sangat melarang orang-orang yang bertaklid kepadanya: terutama Imam Ḥanbalī pernah beliau berkata: "Jangan kamu bertaklid kepadaku! Dan jangan kepada Mālik dan jangan kepada Shāfi'ī, tetapi ambillah agama kamu dari mana mereka itu ambil!"

Dengan dalil-dalil dan keterangan-keterangan yang telah kita paparkan di halaman "1001 Masalah" ini, dapatlah kita fahami bahawa orang-orang Islam yang sanggup berijtihad dengan sebab luas ilmu pengetahuan agamanya, maka wajib di atas mereka itu ijtihad, dan orang-orang yang lain daripada itu, mereka wajib *ittibā'*. Adapun taklid itu dilarang oleh Allah, oleh Rasulullah (S.A.W) dan dilarang oleh imam-imam yang empat.

Semoga dengan jawapan yang ringkas ini akan memuaskan saudara yang bertanya.

Abu al-Mokhtar.

² Merujuk kepada *Sūrah al-Isrā'*.